



BULETIN SUJUK PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak

Bil. 4/2020



KERAJAAN NEGERI PERAK UMUM

BELANJAWAN **1.125 Billion**

06

YAB Menteri
Besar Perak
Baharu
Mulakan
Tugas

Majlis Bacaan
Yassin dan
Doa Selamat
Sempena Hari
Keputeraan

11

12

Kempen
Penanaman
100 Juta
Pokok



Tourism
perak
MALAYSIA

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Binti Amri

PENOLONG PENYUNTING

Zuriati Zainal

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

SISPAA Sistem Pengurusan Aduan Awam

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan



Pergi ke
pautan rasmi
<https://perak.spab.gov.my/>



Pilih
Maklum Balas
Baharu

Butiran peribadi anda:

Nama * :

No. Pengenalan * : - Pilih -

No. Telefon :

No. Telefon Bimbit * :

E-mel * :

Isi maklumat
berkaitan
(wajib mengisi
bagi maklumat
bertanda*)



Selepas menghantar aduan,
pastikan nombor aduan
disimpan untuk rujukan
masa hadapan

01

atau
IMBAS QR CODE



02

03

04

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :

Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Tel : 05-209 5000 Fax : 05-255 5026



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-

"sukperak"



DYMM Paduka Seri Sultan Perak **PERKENAN LANTIK ADUN KOTA TAMPAN SEBAGAI MENTERI BESAR YANG BAHARU**

KUALA KANGSAR, 10 DISEMBER - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah perkenan melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan, YB Dato' Haji Saarani Mohamad sebagai Menteri Besar Negeri Perak yang baharu.

Baginda Sultan turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada YB Dato' Haji Saarani Mohamad yang telah diperkenankan untuk diberi tanggungjawab sebagai Menteri Besar Perak yang ke-14.

"Selaras dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, ADUN Kota Tampan, telah mendapat kepercayaan sebahagian besar daripada ahli-ahli Dewan Negeri untuk dilantik sebagai Menteri Besar yang baharu.

"Beta menzahirkan tahniah kepada YB Dato' Haji Saarani Mohamad yang telah diperkenankan untuk diberi amanah dan tanggungjawab sebagai Menteri Besar kepada 'kerajaan beta'," titah Baginda.

Tegas Baginda, setiap ADUN yang dipilih rakyat perlu terus menjalankan amanah yang telah diberikan tidak kira daripada barisan ADUN kerajaan dan bukan kerajaan.

"Tanggungjawab dan amanah tidak harus sama sekali dipandang ringan atau diringankan, kesemua rakyat Perak mahukan sebuah negeri yang aman lagi makmur, dengan pemerintahan yang melaksanakan keadilan dan membina kerukunan agar rakyat hidup dalam semangat saling menghormati, penuh harmoni.

"Rakyat jelata jangan dijadikan kancil yang mati tersepit kerana gajah yang tidak henti-henti beradu," titah Baginda semasa Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Menteri Besar di Istana Iskandariah di sini pagi ini.

Pada perkembangan sama YB Dato' Haji Saarani Mohamad dipilih bagi menggantikan Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu yang meletak jawatan bersama seluruh barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Disember lalu.



KERAJAAN NEGERI PERAK UMUM **BELANJAWAN** RM **1.125 Bilion**

IPOH, 16 DISEMBER 2020 - Kerajaan Negeri Perak mengumumkan Belanjawan Negeri 2021 dengan peruntukkan berjumlah RM1.215 bilion di bawah tema "Perak Negeri Berdaya Tahan, Mampan dan Inklusif".

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani Bin Mohamad berkata, daripada jumlah itu, RM785.1 juta diperuntukkan bagi anggaran perbelanjaan mengurus, manakala RM430 juta lagi disediakan untuk perbelanjaan pembangunan.

"Belanjawan Negeri Perak Tahun 2021 akan terus memberi fokus untuk menjana pertumbuhan ekonomi seimbang, menitikberatkan keadilan sosial serta menjaga kesejahteraan rakyat untuk menikmati kehidupan yang berkualiti.

"Ia juga meneraju kelestarian sumber dan alam sekitar secara efektif serta memacu pemodenan dan pendigitalan institusi bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan awam yang bersih dan terbaik di seluruh negeri ini," katanya ketika membentangkan Belanjawan Perak 2021 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini, hari ini.

Berikut adalah ringkasan Pembentangan Belanjawan Negeri Perak 2021 oleh YAB Menteri Besar Perak :-

BELANJAWAN **2021** Negeri Perak

Perak
Negeri Berdaya Tahan,
Mampan & Inklusif

1

PRASARANA

RM290.4 JUTA KEPADA JABATAN-JABATAN YANG BERTANGGUNG JAWAB MENGENDALIKAN URUSAN INI.

3

INDUSTRI ASAS TANI

- JABATAN PERTANIAN MENERIMA PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS RM24.2 JUTA DAN BELANJA PEMBANGUNAN RM8.0 JUTA YANG DIKHUSUSKAN BAGI PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN, PENINGKATAN TEKNOLOGI PERTANIAN, PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI.
- RM22.5 JUTA KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

2

PERUMAHAN

PERUNTUKAN RM26.7 JUTA KEPADA LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK (LPHP)

4

ALAM SEKITAR

KERAJAAN NEGERI MEMBERI TUMPUAN UNTUK MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DENGAN MEMPERUNTUKKAN RM48.8 JUTA.

5

KEUSAHAWANAN

RM7.0 JUTA BAGI MERANGSANG PERTUMBUHAN SEKTOR USAHAWAN DI NEGERI PERAK.

MENINGKATKAN SYIAR ISLAM

KERAJAAN NEGERI MENYEDIKAKAN RM99.6 JUTA SEBAGAI USAHA MEMPERKASAKAN LAGI PERKEMBANGAN SYIAR AGAMA ISLAM.

6

7

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

KERAJAAN NEGERI MEMPERUNTUKKAN RM84.3 JUTA UNTUK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI NEGERI PERAK MELIPUTI RM54.9 JUTA BAGI PENDIDIKAN SEKOLAH, MANAKALA RM29.4 JUTA BAGI PENDIDIKAN TINGGI.

PEMBANGUNAN SOSIAL

KERAJAAN NEGERI MEMPERUNTUKKAN RM83.9 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN RAKYAT NEGERI PERAK.

8

9

BELIA DAN SUKAN

RM18.6 JUTA BAGI PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN NEGERI.

PELANCONGAN

RM25.9 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI USAHA PEMULIHAN DAN MEMAKSIMAKAN POTENSI INDUSTRI PELANCONGAN.

10

11

TADBIR URUS

RM785.1 JUTA UNTUK BELANJA MENGURUS SEMUA JABATAN DAN AGENSI NEGERI.

PENGANGKUTAN AWAM

PERKHIDMATAN BAS HENTI-HENTI AKAN DIPERLUASKAN KE DAERAH BATANG PADANG DAN DAERAH KUALA KANGSAR.

12

13

HAL EHWAL BUKAN ISLAM (HEBI)

KERAJAAN NEGERI MEMPERUNTUKKAN RM10.0 JUTA DI BAWAH PROGRAM INI.

GERAN KEPADA AGENSI KERAJAAN NEGERI

RM14.4 JUTA DIPERUNTUKKAN.

14

15

HAL EHWAL BUKAN ISLAM (HEBI)

- BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) SEBULAN GAJI KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK.
- PEMBAYARAN RM1,000 TURUT DIPANJANGKAN KEPADA SEMUA GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT), GURU I'DADI, GURU THANAWI, GURU TADIKA ISLAM, TOK BATIN DAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH).

SILA BERURUSAN DI KAUNTER BAGIAN PENTADBIRAN,
PEJABAT MENTERI BESAR
PLEASE ENQUIRE AT THE ADMINISTRATION
COUNTER OF THE CHIEF MINISTER'S OFFICE

YAB MENTERI BESAR PERAK BAHARU MULAKAN TUGAS

IPOH, 11 DISEMBER 2020 - YAB Dato' Haji Saarani Bin Mohamad secara rasmi memulakan tugasnya sebagai Menteri Besar Perak yang baharu, hari ini.

YAB Dato' Haji Saarani Bin Mohamad tiba di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Bangunan Perak Darul Ridzuan pada jam 9 pagi.

Ketibaan beliau disambut oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Puan Nor Sham Binti Rahman; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Binti Sipun serta ketua-ketua jabatan.

Upacara ringkas yang dimulai dengan majlis bacaan doa dan sesi bergambar diadakan bagi menyambut YAB Menteri Besar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan itu.

Sebaik tiba di pejabatnya di tingkat satu, beliau secara simbolik mengetip kad perakam masa untuk mengesahkan kedatangannya.

Sejurus itu, Dato' Haji Saarani Bin Mohamad diberikan penerangan mengenai pentadbiran Kerajaan Negeri Perak yang diadakan secara tertutup.

Upacara ringkas yang dimulakan dengan bacaan doa
diadakan bagi menyambut YAB Dato' Haji Saarani Mohamad

YAB MB **PENGERUSIKAN** **MESYUARAT** **PERTAMA** **Majlis Mesyuarat** **Kerajaan Khas**

IPOH, 14 DISEMBER 2020- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohamad telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Mesyuarat Kerajaan Khas Negeri Perak.

Mesyuarat tersebut dijalankan dengan kehadiran 5 orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, antaranya, YB Dato' Zainol Fadzi Bin Paharudin; YB Dato' Haji Mohd Zolkafly Bin Harun; YB Dato' Shahrul Zaman Bin Dato' Yahya; YB Dato' Dr. Wan Norashikin Binti Wan Noordin dan YB Encik Khairul Shahril Bin Mohamed.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-undang Negeri, Tuan Azmir Shah Bin Zainal Abidin serta YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua jam itu diadakan bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 atau Belanjawan Negeri Perak 2021 yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Tahun Ketiga Dewan Negeri ke-14, Rabu ini.

Terdahulu, kelima-lima Ahli Dewan Undangan (ADUN) tersebut telah mengangkat sumpah pelantikan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak di hadapan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Khamis lalu.





BELANJAWAN NEGERI PERAK 2021 LULUS

IPOH, 18 DISEMBER 2020 - Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak hari ini meluluskan Belanjawan Negeri 2021 berjumlah RM1.215 bilion secara sebulat suara.

Usul yang diluluskan di bawah Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2021 dan Usul Kumpulan Wang Pembangunan 2021 itu mendapat sokongan sebulat suara oleh kesemua 59 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Hari ini, YAB Menteri Besar, Dato' Haji Saarani bin Mohamad membuat pengumuman terakhir perbincangan Belanjawan Perak 2021 sebelum ia diluluskan.

Terdahulu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid mengarahkan semua ADUN yang menyokong belanjawan tersebut untuk menyatakan persetujuan.

59 ADUN kemudiannya menyatakan persetujuan secara sebulat suara tanpa pindaan terhadap belanjawan berkenaan.

Sejurus itu, Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid kemudiannya mengumumkan Belanjawan Perak 2021 diluluskan pada bacaan kali kedua dan bacaan kali ketiga.

Pada perkembangan sama, pembentangan Belanjawan Negeri Perak 2021 yang dibentangkan pada Rabu lalu menyaksikan peningkatan peruntukan bagi Belanjawan 2021 kepada RM1.215 bilion berbanding RM1.098 bilion pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, RM785.1 juta diperuntukkan bagi anggaran perbelanjaan mengurus manakala RM430 juta lagi disediakan untuk perbelanjaan pembangunan.



YAB MENTERI BESAR PERAK UMUM **PORTFOLIO** AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN



IPOH, 23 DISEMBER 2020- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani bin Mohamad hari ini mengumumkan portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, kira-kira dua minggu selepas beliau dilantik menerajui kerajaan negeri.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani bin Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan memegang portfolio Agama Islam, Kewangan, Keselamatan, Tanah, Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan GLC.

ADUN Semanggol, YB Tuan Haji Razman bin Zakaria pula bertanggungjawab bagi portfolio Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, manakala ADUN Selama, YB Encik Mohd Akmal bin Kamarudin memegang portfolio Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

ADUN Sungai Manik, Dato' Zainol Fadzi bin Paharudin yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Bagi portfolio Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Masyarakat Sivil dipegang oleh ADUN Kuala Kurau, YB Dato' Abdul Yunus bin Jamahri.

ADUN Changkat Jering, YB Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud memegang portfolio Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, manakala ADUN Tualang Sekah, YB Dato' Nolee Ashlin binti Dato' Mohamed Radzi bertanggungjawab bagi portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Pelancongan.

ADUN Rungkup, YB Dato' Shahrul Zaman bin Yahya memegang portfolio Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor dan ADUN Kampung Gajah, YB Dato' Dr Wan Norashikin binti Wan Noordin memegang portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan NGO.

Bagi portfolio Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, ia dipegang oleh ADUN Lintang, YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun manakala ADUN Bota, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed bertanggungjawab memegang portfolio Belia dan Sukan, Komunikasi dan Multimedia.

Senarai portfolio itu diumumkan oleh YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad pada majlis secara ringkas yang berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.





DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN RASMIKAN **BANGUNAN ARKIB NEGARA** NEGERI PERAK

IPOH, 1 OKTOBER 2020 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan Bangunan Arkib Negara, Negeri Perak di Meru, Ipoh, sebentar tadi.

Baginda bertitah, arkib, berdasarkan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) bererti rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya. Bahan-bahan yang disimpan di dalam arkib mempunyai ciri-ciri kesahihan, keandalan, keutuhan dan kebolegunaan meletakkan status bahan-bahan tersebut sebagai bahan bukti yang dapat dipertahankan ketepatan dan kebenarannya.

"Oleh itu, merakam, mencatat, merekodkan dan menyimpan bahan sejarah secara tepat adalah kewajipan yang tidak boleh dikompromikan," titah baginda.

Mengiringi keberangkatan Baginda, YB Dato' Nolee Ashilin binti Mohamed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak, yang juga mewakili YAB Menteri Besar Perak pada majlis tersebut.

Hadir sama, YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri; Ketua Setiausaha MOTAC, YBhg. Datuk Dr. Noor Zari Hamat; Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Datuk Azemi Abdul Aziz dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam titah Baginda turut menyifatkan kehilangan bahan arkib ialah kehilangan yang merugikan, menyamai kehilangan memori seseorang manusia, kehilangan yang tiada gantinya.

"Rekod sejarah yang lengkap berperanan amat penting untuk membantu negara mempertahankan kedaulatan dan wilayah persempadanan," titah baginda.

Dalam masa yang sama, DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah dan kakitangan Arkib Negara yang telah membekalkan pelbagai bahan dan maklumat serta membantu kerja-kerja penyelidikan baginda.

"Berdasarkan pengalaman berinteraksi dengan Arkib Negara dalam usaha Beta menghasilkan dua buah buku sebelum ini, dan pada masa ini dalam proses menghasilkan buku ketiga, Beta yakin dengan tahap profesionalisme para arkivis, begitu juga dengan kualiti, keandalan dan kesahihan khazanah maklumat yang berada dalam simpanan Arkib Negara," titah Baginda.

Baginda turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan peruntukan membina bangunan arkib yang moden di negeri Perak.

Cawangan Arkib Negara Negeri Perak telah ditubuhkan sejak 27 tahun lalu dan beroperasi di Bangunan Seri Kinta, Jalan Sultan Idris Shah di Ipoh sebelum beroperasi sepenuhnya di bangunan baharu yang terletak di Persiaran Meru Utama, Ipoh.





DYMM PADUKA SERI
SULTAN PERAK
berkenan berangkat ke

Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat

sempena
**HARI
KEPUTERAAN**



IPOH, 6 NOVEMBER 2020 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat bersempena dengan Hari Keputeraan Baginda yang ke-64 di Masjid Sultan Idris Shah II, hari ini.

Turut berkenan berangkat ke majlis itu juga, DYAM Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; barisan Exco kerajaan negeri serta wakil-wakil rakyat dan ketua jabatan.

Majlis yang bermula kira-kira jam 12.30 tengahari itu dipimpin oleh Timbalan Mufti Negeri Perak, YBhg. Dato' Zamri Hashim.

Setelah bacaan Yassin dan Doa Selamat selesai, majlis diikuti dengan solat Jumaat yang didahului dengan khutbah khas sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak yang bertajuk Mentaati Raja Tonggak Kesejahteraan Negara yang disampaikan oleh Imam Besar Masjid Negeri, Abd Farid Salleh.

Usai Solat Jumaat, kesemua jemaah yang hadir iaitu kira-kira 300 orang mendirikan solat hajat bagi memohon perlindungan kepada Allah supaya dijauhkan wabak penyakit COVID-19 serta diberikan kesejahteraan dan keselamatan.

Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat itu merupakan acara tahunan bersempena Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang diputuskan pada hari Jumaat pertama dalam bulan November dan serentak diadakan di masjid-masjid seluruh negeri Perak.



IPOH, 28 DISEMBER 2020 - Sebanyak 100 juta pokok bakal ditanam diseluruh negara menerusi 'Kempen Penanaman 100 Juta Pokok' bermula tahun 2021 hingga 2025 bagi meneruskan agenda penghijauan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani bin Mohamad berkata, kempen tersebut merupakan kesinambungan atas kejayaan 'Kempen Penanaman 26 Juta Pokok' yang mana sebanyak 10,206,420 pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri Perak dari tempoh 2010 hingga 2014.

"Kempen yang dijalankan bermatlamat untuk mengekalkan kawasan hijau di seluruh negara selain memelihara serta memulihara kawasan berhutan dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan," ujarnya ketika sidang media Program Penghijauan Malaysia Peringkat Negeri Perak di Taman Eko Rimba Kledang Saiong hari ini.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Encik Mohd Akmal bin Kamarudin; YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Zainol Fadzi bin Paharudin dan YBhg. Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin bin Yusop.

Jelasnya lagi, sebanyak 1,217,966 pokok turut ditanam di Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak sepanjang tahun 2020.

Kesemua pihak termasuk agensi kerajaan, syarikat swasta, badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), institusi penyelidikan/pendidikan dan orang awam turut digalakkan mengambil bahagian dalam usaha penanaman itu.

"Agenda penghijauan ini telah diberi nafas baharu bagi menarik minat pelbagai agensi untuk bersama-sama membantu pihak kerajaan meningkatkan kualiti dirian hutan selain memberi kesedaran kepada orang ramai.

"Kita berusaha memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan dan pokok dapat dicapai," katanya.

Tambahnya lagi, kempen tersebut diadakan untuk tempoh lima tahun dengan tujuan menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan memulihara kawasan berhutan dalam usaha menangani isu perubahan iklim.

Pada perkembangan sama, kempen yang diterajui oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri itu dijangka dirasmikan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, pada 5 Januari ini.

YAB MENTERI BESAR RASMIKAN KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI PERAK





1,200 Penuntut IPT ANAK PERAK Terima Bantuan Mahasiswa Terkesan Covid-19

POH, 29 DISEMBER 2020 – Seramai 1,200 mahasiswa anak Perak B40 layak menerima bantuan RM150 secara 'one-off' bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat COVID-19.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani bin Mohamad berkata, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pendidikan dan Pengajian Tinggi telah memperuntukkan RM200 ribu bagi tujuan itu.

"Peruntukan ini melibatkan pemberian sebanyak RM150 untuk diagihkan kepada mahasiswa yang layak dan menepati kriteria ditetapkan," katanya ketika menyampaikan Bantuan Khas Mahasiswa di Bangunan Perak Darul Ridzuan, hari ini.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud; YB Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan, Tuan Haji Razman bin Zakaria serta Pengarah Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Ybrs. Tuan Haji Misbahul Munir bin Masduki.

Jelasnya lagi, bantuan tersebut melibatkan seramai 551 mahasiswa untuk fasa pertama dimana pembayaran telah mula disalurkan pada 18 Disember lalu manakala baki 649 mahasiswa akan menerima bayaran bermula Januari bagi fasa kedua melalui transaksi atas talian.

"Di antara kriteria utama yang diambil kira dalam pemberian bantuan adalah mahasiswa yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah kemiskinan dan mahasiswa yang terjejas akibat daripada pengumuman penangguhan pendaftaran oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi kemasukan Oktober lalu," katanya.

Kerajaan negeri amat memahami kesukaran yang dihadapi mahasiswa dan berharap usaha yang dijalankan dapat mengurangkan beban mahasiswa.

"Usaha yang dilaksanakan ini diharap dapat mengurangkan beban kos sara hidup serta menampung keperluan tambahan seperti membeli data mudah alih, pembelian aplikasi webinar, bahan rujukan pembelajaran dan lain-lain keperluan akademik," katanya lagi.

Sementara itu, keprihatinan Kerajaan Negeri Perak itu disambut baik oleh mahasiswa dalam membantu nasib mereka yang terkesan.

Wong Kin Hou, 20 tahun, seorang penuntut Universiti Malaya berkata usaha kerajaan negeri ini dianggap sebagai sesuatu yang baik dan patut diteruskan dalam membela nasib mahasiswa yang kurang berkemampuan.

"Bantuan yang diberikan ini sedikit sebanyak membantu saya dalam meneruskan pelajaran dan bantuan seperti ini wajar diteruskan kerana kita tidak tahu bila akan berakhirnya wabak pandemik ini.

"Saya amat menghargai usaha yang telah ditunjukkan oleh pihak Kerajaan Negeri Perak dan saya berharap agar wabak pandemik ini dapat berakhir dengan cepat supaya saya dapat meneruskan pembelajaran saya seperti biasa," katanya.

Seorang lagi penuntut Universiti Teknologi Mara, Nur Firas Inani binti Zainal, 20 tahun, berkata, program bantuan sebegini perlu diperluaskan ke seluruh negeri Perak kerana ramai lagi di luar sana yang memerlukan bantuan seperti ini.

"Bantuan seperti ini perlu diperluaskan kerana ramai di luar sana terlepas pandang akan usaha Kerajaan Negeri Perak dalam membela nasib mahasiswa seperti saya.

"Usaha yang telah ditunjukkan ini amat membantu saya dalam menyediakan keperluan belajar seperti data mudah alih yang amat diperlukan untuk pembelajaran dalam talian seperti yang ditetapkan oleh pihak universiti dalam meneruskan pelajaran sebagai seorang mahasiswa," katanya.



NCIA EPU

BERSAMA ANJUR SEMINAR

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN MELIBATKAN EMPAT NEGERI

2 OKTOBER 2020 - Pihak Berkuasa Pelaksanaan dan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) telah menganjurkan Seminar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai.

Seminar yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) ini telah melibatkan empat negeri di bawah NCIA iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Ia diadakan bertujuan untuk membentangkan hasil kajian semula PGK 2019, membincangkan impak, mengenal pasti isu dan cabaran mengenai garis kemiskinan yang dihadapi serta mengesyorkan strategi/pelan tindakan bagi membasmi kemiskinan di wilayah NCIA.

Dalam masa yang sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah membentangkan hasil dapatan sesi *Focus Group Discussion* mengenai dapatan PGK 2019 Zon Utara bagi pihak Kerajaan Negeri Perak yang telah dilaksanakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak bersama-sama agensi dan jabatan negeri pada 24 September yang lalu.

Hadir sama dalam seminar tersebut, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Tuan Azman Bin Mohd Yusof; YB Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr Mohamad Farazi Bin Johari; Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Kedah, YBrs. Encik Muhamad Mahazi Bin Haji Ibrahim; Timbalan Ketua Pengarah EPU, YBrs. Dr. Maziah Binti Che Yusoff; Pengarah Bahagian Pembangunan Wilayah EPU, YBhg. Dato' Ahmad Zamri Bin Khairuddin; Ketua Eksekutif NCIA, YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John; Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, dan Profesor Kehormat Centre For Policy Research and International Studies (CENPRIS) Universiti Sains Malaysia (USM), YBhg. Professor Dato' Dr. Sukor Kasim.

YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed juga berkesempatan melawat tapak komuniti Orang Asli Kampung Sungai Odak di mana NCIA menjalankan program-program modal insan yang merangkumi aspek Akademik serta Latihan Kemahiran & Keusahawanan. Pendekatan holistik ini amat penting bagi mengeluarkan komuniti Orang Asli dari kancas kemiskinan serta mewujudkan ekosistem keusahawanan di NCIA.



SAMBUTAN HARI INOVASI

AT NEGERI

Semua Jabatan Harus Beri Tumpuan Perkenal

INOVASI BAHARU DALAM SISTEM PENYAMPAIAN

POH, 15 OKTOBER 2020 - Kerajaan Negeri Perak berharap semua jabatan dan agensi dapat memberi tumpuan untuk memperkenalkan inovasi-inovasi baharu dalam sistem penyampaian sesuai dengan norma baharu.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu dalam ucapannya berkata, kepentingan inovasi perlu dilihat secara holistik bagi memastikan polisi-polisi yang tidak lagi sesuai dengan zaman ini perlu dilihat semula dalam mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan.

"Kita biasa beranggapan bahawa inovasi adalah usaha yang melibatkan penggunaan teknologi, kejuruteraan atau sesuatu yang bersifat saintifik dalam penyelesaian masalah.

"Dalam konteks pentadbiran kerajaan negeri dan penjawat awam, inovasi tidak perlu terhad kepada elemen-elemen yang saya sebutkan tadi. Antara inovasi yang boleh kita lakukan adalah seperti mengkaji semula peraturan, garis panduan dan amalan yang tidak lagi relevan kepada keadaan semasa," ujarnya semasa menyempurnakan Sambutan Hari Inovasi 2020 Peringkat Negeri Perak di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Tuan Ahmad Saidi bin Mohamad Daud dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak.

Dalam majlis tersebut, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu turut menyampaikan Anugerah Utama Inovasi 2020 Negeri Perak kepada Kumpulan Viper daripada Jabatan Veterinar Negeri Perak yang telah membawa pulang wang tunai RM5,000 dan trofi.

Kumpulan tersebut menentangkan projek Viblower yang telah dihasilkan untuk mengatasi masalah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar semasa wabak Rabies.

Selain itu, lima penerima Anugerah Potensi Inovasi 2020 Negeri Perak adalah Kumpulan Ladang Ayer Kuning (Perbadanan Pertanian Negeri Perak); kumpulan SmarBiz20 (Majlis Bandaraya Ipoh); Kumpulan Rainbow (Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian); Kumpulan Last Call Jerr (Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Larut Matang dan Selamat) dan Kumpulan Fast-T (Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hilir Perak).

Kelima-lima penerima anugerah tersebut membawa pulang wang tunai RM1,000 dan trofi.

Manakala Johan Pertandingan Logo Inovasi Perkhidmatan Negeri Perak telah dirangkul oleh Encik Mohd Firdaus Bin Abd Hamid daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan telah membawa pulang wang tunai RM1,000.

Tempat kedua dan ketiga pertandingan yang sama telah dirangkul oleh Encik Muhammad Syakir Bin Jebat dari Bahagian Dewan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, Pejabat SUK Perak dan Encik Azmi Bin Mohamed Asmayatim dari Bahagian Korporat, Pejabat SUK Perak.

Masing-masing membawa pulang wang tunai RM800 dan RM500.





Mesyuarat MBJ 3/2020 &

LAWATAN MESRA MBJ PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
BERSAMA MBJ PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU



3 OKTOBER 2020 - Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 3/2020 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada 3 Oktober 2020 bertempat di Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh 22 orang ahli mesyuarat terdiri daripada 8 orang pegawai yang mewakili pihak majikan/pengurusan Pejabat SUK Perak dan 13 orang pegawai daripada pihak pekerja mewakili skim dan gred masing-masing.

Pada hari berikutnya, ahli mesyuarat telah mengadakan lawatan mesra MBJ ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Lawatan ini bertujuan untuk perkongsian maklumat dan pendapat serta delegasi turut dibawa melawat ke bahagian-bahagian di Pejabat SUK Terengganu.



WISMA DARUL IMAN





Lawatan SUK TERENGGANU Ke SUK Perak

IPOH , 6 OKTOBER 2020 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Terengganu bersama-sama PLANMalaysia@Terengganu dan Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu telah mengadakan lawatan ke Pejabat SUK Perak.

Delegasi lawatan yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Zuwislan bin Awang, Setiausaha Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat SUK Terengganu tersebut telah disambut oleh YBrs. Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Perak dan wakil-wakil jabatan SUK Perak.

Hadir sama, YBrs. Puan Fatimah binti Ghazali, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat; YM Tengku Siliawati binti Tengku Salim, Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri dan YBrs. Encik Mohd Anurridha bin Ahmad Majdi, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Lawatan ini diadakan bagi perkongsian berkenaan penubuhan PerakGIS dan Enakmen Sumber Air Terengganu (2020).



PALUAN BERUNDUR Petugas Barisan Hadapan

di PKPD
Taman Meru 2C

IPOH, 6 DISEMBER 2020- Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Meru 2C (Zon B dan Zon C) yang telah dilaksanakan selama enam belas hari sejak 20 November lalu bagi kawalan kesihatan penularan wabak pandemik COVID-19 ditamatkan secara rasminya, hari ini.

Pegawai Daerah Kinta, Encik Meor Hezullah Meor Abd Malik, berkata paluan berundur atau pengunduran petugas ini adalah simbolik berakhirnya PKPD di kawasan tersebut.

"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada petugas barisan hadapan yang bekerja keras menggalas tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka.

"Bukan itu saja, kerjasama daripada seluruh penduduk di Taman Meru 2C ini juga amat dihargai dan kejayaan mengharungi tempoh PKPD ini adalah kejayaan bersama," katanya dalam Majlis Paluan Berundur di Taman Meru 2C.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner (ACP) A.Asmadi Abdul Aziz dan wakil-wakil jabatan serta agensi kerajaan.

Dalam majlis itu juga, gimik penutupan PKPD Taman Meru 2C turut dijayakan dengan lipatan kain rentang Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) oleh wakil anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan juga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum penyerahan disempurnakan oleh Ketua Polis Daerah Ipoh ACP A. Asmadi Abdul Aziz selaku Komander Operasi kepada Pegawai Daerah Kinta.

Pada perkembangan sama, PKPD di kawasan Taman Meru 2C itu telah ditamatkan lebih awal daripada yang dijadualkan kerana kes aktif di kawasan tersebut berjaya dikurangkan.

Namun demikian, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih lagi berkuatkuasa di Daerah Kinta sehingga 20 Disember 2020.



patro

Perak Agrotourism Resort

Gabungan Elemen Pertanian dan Pelancongan Gamit Minat Pengunjung

Terletak di Sungai Galah, Tanjung Tualang iaitu kira-kira 50 kilometer daripada Bandaraya Ipoh, Perak Agrotourism Resort atau lebih dikenali sebagai PATRO merupakan sebuah pusat pelancongan menarik yang kaya dengan keindahan alam semula jadi.

Keunikan hasil gabungan elemen pertanian dan pelancongan yang diterapkan di PATRO memberikan satu kelainan serta keunikan bagi menarik warga kota untuk datang.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang ditawarkan di sana untuk para pengunjung, antaranya adalah aktiviti lasak seperti berkuda, ATV, berbasikal serta sukan air seperti kayak dan bot kayuh.

Selain daripada itu, pengunjung juga berpeluang untuk melihat sendiri tanaman yang dihasilkan di kawasan tersebut seperti tanaman buah mangga, nenas serta sayur-sayuran seperti cili, serai, kunyit dan bermacam lagi.

Mereka yang berkunjung ke sana sudah pasti akan berpuas hati kerana suasana yang disediakan di PATRO akan membuatkan mereka seakan-akan berada di kampung halaman sendiri.

Bagi mereka yang inginkan suasana tenang pada waktu malam, PATRO juga menyediakan tempat penginapan yang selesa mengikut harga-harga yang ditetapkan. Terdapat juga Rumah Kutai, sebuah rumah asli kampung yang juga merupakan identiti negeri Perak untuk para pengunjung menginap.

Untuk sebarang pertanyaan atau tempahan penginapan di PATRO, boleh hubungi 013-3810471 atau layari ke Facebook Patro Perak. Jadi tunggu apa lagi, moh kita ke Patro!



PENGUNAAN **PELITUP MUKA** ADALAH

DIWAJIBKAN

DI BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN

Anda juga dikehendaki
menggunakan
Aplikasi MySejahtera
sepanjang keberadaan
anda di Bangunan
Perak Darul Ridzuan
(Pintu Masuk Utama,
Bahagian yang dilawati,
Bilik Mesyuarat dll.)

